

- 7 Rahman membeli sebuah komputer. Harga komputer itu termasuk cukai perkhidmatan 6% ialah RM1 431. Berapakah harga asal komputer itu?
- A RM1 220.15 C RM1 350.20
B RM1 280.10 D RM1 345.14

- 8 Puan Sunitha membuat pinjaman perumahan sebanyak RM100 000 dengan faedah 4.5% setahun. Berapakah jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Puan Sunitha dalam masa setahun?
- A RM45 C RM4 500
B RM450 D RM45 000

- 9 Rajah di bawah menunjukkan invoice yang tidak lengkap bagi barang yang dibeli oleh Salon Manja Enterprise.

INVOICE KEDAI KOMETIK BERKA 11 Jalan Klang 7 34000 Parit Tel: 09 312 1234			
Salon Manja Enterprise 2, Lorong Muntah 5, Parit Pasir		No. Invoice: 01256 Tarikh: 12 Ogos 2016	
Kuantiti	Barang	Harga Satuan	Jumlah
20	Syampu Pasca	RM60	
15	Krim Manja Deluxe	RM15	RM225
		Diskaun (10%)	
		Jumlah	
Rajag Malaysia			
Tandapan, Cik		Mubarak Pengurus	

Berapakah jumlah harga yang perlu dibayar oleh Salon Manja Enterprise?

- A RM96 C RM864
B RM620 D RM960

- 10 Rajah di bawah menunjukkan bil pembelian yang tidak lengkap.

GRAND SDN. BHD		
Grand Sdn. Bhd No. 10, Perumahan Harmoni A/2, Taman Sepatara, 80000 Sepang, Tel: 03 5061 3225		
Sos. air	5 x RM2.00	
Kicap	5 x RM3.20	
Merapah	1 x RM5.00	RM5.00
Jumlah		
TERIMA KASIH, SILA DATANG LAGI		
Sabtu 13/08/2016 9:45 a.m.		

Felisyah ingin menggunakan kupon rebat bernilai RM5. Kupon itu boleh digunakan bagi setiap pembelian RM20. Hitung jumlah wang yang perlu dibayar oleh Felisyah.

- A RM24.50 C RM33.50
B RM28.50 D RM34.50

- 11 Harga jual sehelai kemeja ialah RM116. Amirul membeli kemeja itu dengan harga RM87. Berapakah diskaun yang diperolehnya?

- A 10%
B 15%
C 20%
D 25%

- 12 4% daripada gaji bulanan Sin Ming dipotong untuk cukai pendapatan. Jika Sin Ming dikenakan cukai pendapatan sebanyak RM80 sebulan, berapakah gaji bulannnya? **(KBAT)** Mengaplikasi

- A RM1 920
B RM1 996
C RM2 000
D RM2 080

- 13 Rajah di bawah menunjukkan harga jual sebuah beg. **(KBAT)** Mengaplikasi



Harga kos beg itu ialah RM60. Beg itu dijual dan diberi diskaun sebanyak 40% sempena jualan penghabisan stok. Kedai itu telah mengalami

- A kerugian 15%
B kerugian 40%
C keuntungan 15%
D keuntungan 40%